

# Tegur ikut cara BN

## Pemimpin komponen mahu isu ekuiti dibincang dalam parti

Oleh Rohaniza Idris

**K**UALA LUMPUR: Pemimpin parti komponen Barisan Nasional (BN) berpendapat sebarang penjelasan atau teguran berhubung isu pemilihan ekuiti Bumiputera perlu dibuat menerusi saluran dalam pakatan parti dan bukannya menerusi media.

Naib Presiden Umno, Datuk Seri Mohd Ali Rustam, berkata tindakan Presiden Gerakan, Datuk Seri Lim Keng Yaik meminta kerajaan mendedahkan metodologi penentuan peratusan ekuiti Bumiputera bagi tujuan mempertahankan integriti kerajaan tidak wajar.

Katanya metodologi pengiraan itu sudah dicatatkan dalam buku laporan Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9) dan angka dike'mukakan Unit Perancang Ekonomi (EPU) sudah dipersetujui Kabinet.

"Sebagai Presiden Gerakan dan juga Menteri kanan dalam Kabinet adalah tidak wajar bagi Dr Lim meminta

kerajaan mendedahkan metodologi itu kerana beliau sebagai ahli Kabinet mengetahui dan meluluskannya.

"Kenyataan Dr Lim tidak bertanggungjawab dan beliau perlu berpenjelasan kepada Jawatankuasa Disiplin BN atau Whip. Tindakan perlu diambil kepada Dr Lim cuba memalukan BN," katanya ketika dihubungi semalam.

Beliau diminta mengulas nasihat Datuk Seri Najib Razak yang mengingatkan semua pihak supaya tidak membuat kenyataan berunsur sindiran atau menggambarkan seolah-olah kerajaan tidak telus dalam isu pemilihan ekuiti Bumiputera.

Timbalan Perdana Menteri menegaskan kenyataan Dr Lim yang mahu kerajaan mendedahkan kaedah kajian Unit Perancang Ekonomi (EPU) berhubung peratusan pemilihan ekuiti Bumiputera memberi gambaran seolah-olah kerajaan tidak telus.

Ketua Penerangan Umno, Tan Sri Muhammad Muhd Taib, berkata berdasarkan kepada amalan biasa, semua

isu berbangkit terutama perkara sensitif perlu diselesaikan secara dalaman menerusi amalan musyawarah.

Katanya, perkara sensitif tidak perlu dihebahkan kepada media kerana dikhuatiri boleh menjejaskan hubungan antara parti komponen selain mengeruhkan lagi suasana harmoni dalam BN.

Ditanya jika tindakan perlu dikenakan terhadap Presiden Gerakan kerana membuat sindiran kepada kerajaan, katanya sebagai pemimpin lama dalam parti, Dr Lim sepatutnya tahu perkara yang perlu atau tidak dibangkitkan.

"Beliau sepatutnya faham kesan daripada kenyataan dibuatnya dan terpulang kepada kepimpinan parti menentukan sama ada mahu mengambil tindakan terhadap pemimpin itu," katanya.

Sementara itu, Bekas Timbalan Perdana Menteri, Tun Musa Hitam menasihatkan semua pihak menghentikan perbincangan umum mengenai penguasaan ekuiti ekonomi oleh

pelbagai kaum, dengan menyatakan ia boleh bertukar emosional.

Sambil menyebut Majlis Tindakan Ekonomi Negara sebagai forum terbaik bagi membincangkan isu itu, Musa berkata, perbincangan juga boleh diadakan menerusi langkah lain.

"Membawa faktor ini keluar daripada perhatian umum amat penting memandangkan mood yang tercetus kini dalam negara dengan wujud terlalu banyak pemangsa yang meninjau untuk meragut isu yang boleh bertukar kepada sesuatu bersifat emosional" katanya di sini, semalam.

Ketua Pemuda MCA, Datuk Liow Tiong Lai, berkata beliau bersetuju dengan teguran Timbalan Perdana Menteri itu dan semua pihak perlu menghormatinya.

Ketua Pemuda Gerakan, Datuk Man Siew Keong pula berkata, pergerakan mengalu-alukan kenyataan Timbalan Perdana Menteri yang menegakkan kerajaan tiada masalah mendedahkan metodologi yang digunakan dalam perkara itu.